

Pembuat dasar sektor swasta harusutamakan negara: Rafidah

KUALA LUMPUR, Selasa — Menteri Perusahaan Awam, Datin Paduka Rafidah Aziz hari ini, menyeru mereka yang membuat dasar dan keputusan dalam sektor swasta sentiasa mengambil perhitungan kepentingan negara dan masyarakat.

Sebaliknya, golongan ini seperti pengarah haruslah juga berusaha menyerapkan kepentingan syarikat masing-masing ke dalam konteks kepentingan yang lebih besar.

Berucap merasmikan persidangan pengarah-pengarah syarikat selama dua hari di sini hari ini, Datin Paduka Rafidah berkata, sektor swasta mempunyai peranan bersama-sama mendorong kestabilan perkembangan ekonomi negara.

Untuk membolehkan sektor itu memberi sumbangan yang positif membina negara, mereka haruslah membangun selaras dengan perkembangan negara.

Belliau berkata, dari jumlah pelaburan \$102,639 juta dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat, \$74,111 juta atau 72.2 peratus adalah dijangka dari sektor swasta.

Ini menunjukkan pertumbuhan pelaburan awam, tidak termasuk pelaburan industri minyak, berkembang 11 peratus setahun dalam bentuk sebenar atau 16.6 peratus setahun pada harga semasa.

Menurutnya bidang penting untuk memenuhi kriteria pembangunan ialah dengan menggunakan bahan-bahan tempatan, penyebaran industri-industri dan mewujudkan peluang pekerjaan yang banyak.

Menteri itu juga menegaskan, perlunya mereka yang membuat keputusan mengambil kira pengeluaran.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia